

Buktikan Najib 'raksasa'

Peguam persoal Artikel 117 M&A tiada nyatakan bekas PM berkuasa buat keputusan

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Peguam bela Datuk Seri Najib Razak, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, mempersoalkan kandungan Artikel dan Memorandum Persatuan (M&A) 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang dikata menjadikan bekas Perdana Menteri itu dilihat sebagai 'raksasa dalam 1MDB'.

Muhammad Shafee ketika menyoal balas saksi penting, Jasmine Loo, mencadangkan bahawa tiada apa dalam Artikel 117 M&A itu yang menyatakan anak guamnya mempunyai kuasa membuat segala keputusan akhir dalam 1MDB.

Beliau berkata, ia kerana segala keputusan yang dibuat berdasarkan Artikel itu adalah tertakluk kepada kelulusan Ahli Lembaga Pengarah 1MDB.

Katanya, kandungan M&A sering diperbesar, sedangkan Najib selaku Menteri Kewangan ketika itu melakukannya mengikut undang-undang selepas mengambil kira pandangan Ahli Lembaga Pengarah yang kemudian mem-

berikan kelulusan.

Najib buat keputusan

Peguam itu kemudian meminta saksi menunjukkan di bahagian mana M&A yang menjadikan Najib sebagai 'raksasa dalam 1MDB' dan disifatkan memperdayakan Ahli Lembaga Pengarah seolah-olah 'membawa kambing yang akan disembelih.'

Loo selaku saksi ke-50 pendakwaan pada mulanya menjawab walaupun Artikel 117 M&A tidak menyatakan secara spesifik, Najib ketika itu membuat keputusan atas kapasiti selaku Perdana Menteri dan pemegang saham dalam syarikat pelaburan strategik negara berkenaan.

"Walaupun ia tidak menyatakan secara spesifik, sebenarnya ia memang begitu (raksasa dalam 1MDB)," katanya.

Muhammad Shafee: Anda metik artikel itu, ia tidak menunjukkan apa-apa. Saya katakan bahawa ini konsisten dan menunjukkan sebarang keputusan memerlukan kelulusan Ahli Lembaga Pengarah?

Loo: Saya hanya menyatakan perkara fakta. Artikel ini mengatasi Resolusi Pekeliling Pengarah (DCR).

Muhammad Shafee: Saya katakan bahawa dokumen tidak menyokong apa yang anda nyatakan?

Loo: Ia apa yang sebenarnya berlaku. Saya hanya menyatakan nya.

Muhammad Shafee: Tetapi tiada dokumen menyokong apa

BERITA HARIAN 03 APR 2024

M/C: 17



Najib hadir ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Nur Iqbal Syakir Mohd Salleh/BH)

yang anda nyatakan?

Loo: Ya

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Mohd Hazem Abd Rahman dalam keterangan sebelum ini berkata, pemegang saham sebenar 1MDB adalah kerajaan, manakala semua pengu-
rusannya adalah bawah kuasa Najib ketika itu.

Mohd Hazem berkata, walaupun Ahli Lembaga Pengarah 1MDB mempunyai kuasa membuat pertimbangan dan keputusan, semua urusannya akan ditentukan Najib kerana beliau memegang kuasa veto.

Mohd Hazem merujuk Artikel 117 M&A 1MDB yang antara lain menyebut segala hal penting termasuk pemecatan pengarah, jawatankuasa kewangan dan perubahan dalam pasukan pengu-
rusan, memerlukan persetujuan Perdana Menteri.

Sementara itu, Hakim Datuk

Collin Lawrence Sequerah menangguhkan perbicaraan pada sesi petang selepas Najib mengadu tidak sihat ketika prosiding berhenti rehat.

Mahkamah kemudian memanggil Pegawai Perubatan Klinik Kesihatan Penjara Kajang, Dr Mohd Hafiz Mohd Hoshni, untuk memberi penjelasan mengenai keadaan Najib.

Mohd Hafiz memberitahu mahkamah, Najib yang mengadu mengalami cirit-birit dan sakit perut sejak awal pagi, agak lemah dan kekurangan air, justeru diberikan rawatan ketika mahkamah berhenti rehat.

"Saya memberikannya ubat Buscopan, Lomotil dan larutan air garam. Datuk Seri (Najib) perlu rehat kerana ubat akan menyebabkan dia mengantuk, jadi mungkin dia tidak berapa selesa duduk lama," katanya.

Sequerah memerintahkan perbicaraan bersambung hari ini.